

# lokal



**KAKITANGAN** Jabatan Landskap DBKL membersihkan pokok hiasan yang rosak dipijak pengunjung.



Oleh Nurul Hidayah Bahaudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

## Sikap belum 'merdeka'

(2 SEPTEMBER 2022) Metro | P8  
**Landskap, pokok hiasan rosak selepas dibanjiri lautan manusia sambut Hari Kebangsaan**

Keseronokan menyaksikan perarakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-65 di Dataran Merdeka di sini, kelmarin dicemari dengan sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak yang merosakkan landskap di beberapa laluan sekitar pusat bandar raya.

Tindakan itu dapat dilihat menerusi rakaman video serta gambar tular di media sosial menunjukkan individu memijak pokok hiasan pada laluan berkenaan sehingga ia rosak.

Kejadian itu turut mendapat perhatian Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang memuat naik hantaran beserta gambar dan video kejadian berkenaan.

"Seronok Min (admin) tengok lautan manusia membantiri jalan-jalan sekitar Dataran Merdeka pagi tadi bagi bersama-sama meraikan sambutan Hari Ke-

bangsaan. Semangat cintakan negara seperti

inilah yang kita mau. "Tapi dalam pada itu, ada pula sesetengah di kalangan kita yang langsung tak mempedulikan persekitaran



**SEBAHAGIAN** landskap rosak selepas dipijak pengunjung.

dan keindahan kawasan.

"Langsung rasa tak bersalah merosakkan landskap yang disemai cantik. Semangat itu sudah bagus, tapi caranya tak betul," tulisnya pada hantaran berkenaan.

Terdahulu, media melaporkan gambaran luar biasa pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang diadakan di Dataran Merdeka kelmarin selepas dua tahun ia tidak disambut susulan pandemik Covid-19.



**KAKITANGAN** DBKL membersihkan Dataran Merdeka selepas sambutan tamat.